

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIE ANAK MONGIN
[PUNCAK BORNEO]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan keberkesanan tindakan yang telah diambil setakat ini bagi membanteras kegiatan pencerobohan nelayan asing ke perairan negara. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan isu ini tidak selesai.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2018, sebanyak 110 buah vesel penangkapan ikan asing telah ditahan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia bagi kesalahan menceroboh perairan negara. Kebanyakan kes pencerobohan ini melibatkan vesel daripada Vietnam, Thailand, Indonesia dan Filipina.
2. Pelbagai usaha dan tindakan telah diambil oleh Kementerian bagi membanteras kegiatan pencerobohan vesel nelayan asing di perairan negara. Antaranya adalah:
 - Melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepada di kawasan '*hotspot*';
 - Memantau pergerakan vesel penangkapan ikan di perairan negara secara *real-time*;
 - Mempergiatkan program pemutihan vesel laut dalam berdasarkan undang-undang, syarat dan dasar pelesenan;
 - Mempergiatkan program pemutihan vesel laut dalam;
 - Melaksanakan '*pilot project*' penggunaan *Quick Response Code - QR* dan *Radio Frequency Identification - RFID* ke atas vesel laut dalam; dan
 - Meningkatkan kerjasama strategik di dalam dan luar negara.

3. Melalui tindakan berterusan yang telah diambil tersebut, ianya telah menunjukkan kesan yang positif seperti berikut:

- Sebanyak 162 vesel nelayan asing yang menceroboh perairan negara telah ditahan melalui Ops NAGA dan GELORA Khas pada tahun 2019;
- Sebanyak 284 laporan telah dikemukakan kepada APMM oleh DOF melalui pemantauan bilik operasi bagi tujuan perkongsian data dan tindakan bersama pada tahun 2019; dan
- Sebanyak 51 lesen vesel laut dalam telah dibatalkan di bawah program pemutihan vesel laut dalam pada tahun 2019.

4. Namun begitu, terdapat beberapa faktor dankekangan yang menyebabkan isu ini tidak dapat diselesaikan sepenuhnya. Antaranya adalah:

- Keluasan perairan negara adalah luas;
- Keupayaan penguatkuasaan secara “*omnipresence*” tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan aset sedia ada dan pegawai di lapangan adalah terhad; dan
- Komitmen dan kerjasama negara serantau dalam mengawal pergerakan vesel nelayan negara masing-masing.

Sekian, terima kasih.